

04/03/2003

Dr Mahathir mampu pecah kelesuan suara OIC di Doha

Kadir Dikoh

ESOK, bandar raya Doha menjadi tumpuan pemimpin Islam dunia yang menghadiri Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bakal mempengerusikan OIC mulai Oktober ini, turut hadir.

Dua isu khusus - Iraq dan Palestin - menjadi perbincangan ketika pemimpin negara Teluk masih bertelagah, terutama berkisar kepada krisis Baghdad.

Mesyuarat tergempar ini dianggap amat penting bagi mencari jalan sebaik mungkin untuk mengelak Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Namun, suasana di Doha bagaikan tiada apa yang berlaku. Tiada bendera dan perhiasan seperti mana kita lakukan di Malaysia ketika Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dari 20-25 Februari lalu.

Tiada kelihatan kemeriahan di sini tetapi hotel habis ditempah. Kebanyakan wartawan dari Malaysia pula tiba awal pagi semalam dalam kedinginan 14 darjah Celsius.

Sidang kemuncak tergempar itu disyorkan oleh Qatar selaku pengerusi OIC sekarang berikutan ketegangan di Teluk semakin meruncing, dengan Amerika belum menampakkan petanda akan membatalkan niat untuk menyerang Iraq di sebalik bantahan dunia.

Hampir kesemua sidang antarabangsa menolak serangan terhadap Iraq tetapi pentadbiran Presiden George W Bush bagaikan tidak menghiraukannya, apatah lagi dengan bantahan jutaan penduduk di merata dunia.

Isu Palestin yang mengecewakan ramai umat Islam sejagat, bagaikan tenggelam begitu saja.

Sidang Kemuncak NAM Ke-13 di Kuala Lumpur, diikuti mesyuarat tidak rasmi OIC, semuanya menolak tindakan perang terhadap Iraq dan mahukan Baghdad mematuhi Resolusi 1441 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mesyuarat tidak rasmi OIC yang dipengerusikan Perdana Menteri, melangkah setapak apabila turut membincangkan kemungkinan minyak digunakan sebagai senjata bagi menghalang serangan ke atas Iraq.

Namun, Arab Saudi mengambil langkah bercanggah dengan semangat OIC apabila menolak sama sekali saranan supaya menggunakan minyak sebagai senjata.

Pada masa yang sama, Riyadh menganggap Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Doha mengenai isu Iraq tidak perlu diadakan, malah berikrar menambah pengeluaran minyak serta mengizinkan tentera Amerika menggunakan markas tenteranya sebagai pangkalan untuk menyerang Baghdad.

Tidak cukup dengan itu, Sidang Kemuncak Liga Arab di Sharm El-Sheikh, Mesir, Sabtu lalu mengeluarkan deklarasinya menolak pembabitian negara anggotanya sekiranya tindakan ketenteraan diambil ke atas Iraq.

Setiausaha Agungnya, Amr Moussa, menegaskan satu resolusi turut dikeluarkan oleh pemimpin Arab yang menyelar tindakan Amerika yang dilihat cuba melaksanakan perubahan di rantau Arab dengan cubaan menyingkirkan Presiden Saddam Hussein.

Selain itu, pemimpin 22 negara anggota Liga Arab juga meminta dilanjutkan masa kepada pasukan pemeriksa senjata PBB bagi menjalankan proses pelucutan senjata di Iraq.

Desakan demi desakan itu terus tidak dihiraukan Amerika yang tetap menuntut Iraq memusnahkan senjata pemusnahnya. Terbaru, Baghdad awal pagi Sabtu lalu dilaporkan mula memusnahkan peluru berpandu Al-Samoud 2 sejajar dengan tuntutan PBB.

Bagaimanapun, Washington pula berkata tindakan Iraq itu tidak cukup untuk menghalangnya diserang.

Ketua pemeriksa senjata PBB, Hans Blix, menyifatkan ikrar Iraq memusnahkan Al-Samoud sebagai satu proses pelucutan senjata yang penting tetapi Washington dan London yang sudah menempatkan 225,000 askar di Teluk, menganggap janji Iraq itu satu taktik mempermainkan masyarakat dunia.

Entah apa lagi yang dimahukan oleh Amerika, terutama Bush. Mungkin beliau hanya akan berpuas hati dan membatalkan cadangan serangan jika Saddam diguling atau dibunuh.

Lantas, buat kali pertama, sebuah negara Arab menyarankan kepada Liga Arab yang bermesyuarat di Mesir supaya Saddam meletakkan jawatan bagi mengelakkan perang dan tukaran daripada pendakwaan.

Saranan itu terkandung dalam surat kepada sidang Liga Arab daripada pemimpin Emiriyah Arab Bersatu (UAE), sekali gus bercanggah dengan dasar sekian lama pemimpin Arab untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain.

Baghdad marah dengan saranan itu dan menyifatkan UAE sebagai tali barut Amerika.

Namun, Amerika terus terasing apabila Parlimen Turki menolak perang ke atas Iraq - satu tindakan yang mengecewakan Washington. Turki adalah sekutu kuat Amerika yang sebelum ini sanggup menyediakan kemudahan untuk tentera Amerika sebagai pangkalan melancarkan serangan ke atas Baghdad.

Namun, Sidang Kemuncak Tergempar OIC yang dianggotai 57 negara di Doha menjadi perhatian kerana hasilnya nanti akan menentukan sejauh mana pengaruhnya di pentas dunia.

Dengan imej berjaya memulihkan semula NAM, kehadiran Dr Mahathir di Doha sudah pasti memberi impak berlainan daripada biasa. Kelantangan suaranya dengan idea yang radikal - seperti saranan diharamkan perang - tetap diberi perhatian walaupun negara Barat mungkin tidak senang.

Tetapi itulah keluhan hati Pengerusi NAM itu dengan mesej ke arah dunia yang aman untuk semua. Beliau turut mengajak 116 negara anggota NAM untuk bekerjasama rapat dengan negara maju yang juga berpendirian antiperang bagi memencilkan Amerika supaya tidak meneruskan niatnya menyerang Iraq.

Mungkin Dr Mahathir sekali lagi akan memberi idea radikal pada sidang tergempar di Doha ini.

Walaupun suara OIC mungkin tidak dihiraukan oleh Barat tetapi `suara Dr Mahathir' selaku jurucakap negara membangun, sedikit-sebanyak berupaya mengetuk hati mereka meskipun tidak meluapkannya secara terbuka.